

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.11.2014

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan membuat penyemakan semula ke atas kadar bayaran insurans kenderaan bermotor yang membebankan pengguna pendapatan rendah dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang.

JAWAPAN

Sebelum tahun 2012, Tarif Motor tidak pernah dikaji semula selama lebih daripada 30 tahun yang lalu. Oleh kerana kos tuntutan insurans motor semakin meningkat selaras dengan kenaikan dalam jumlah kes

kemalangan, kos perubatan, kos alat ganti kenderaan dan lain-lain lagi, keadaan ini telah menyebabkan jurang di antara tuntutan dibayar berbanding premium yang dikutip semakin meluas. Pada tahun 2012, bagi setiap RM1.00 premium insurans motor yang dikutip oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Selain daripada itu, pelarasan kadar premium pula adalah kecil. Misalnya, bagi perlindungan pihak ketiga, seseorang pemilik motosikal 110cc dikenakan premium tambahan yang sangat kecil di antara RM1.00 dan RM3.50 setahun atau maksimum 30 sen sebulan. Bagi pemilik kenderaan persendirian 1400cc pula, premium tambahan adalah di antara RM6 hingga RM34 setahun atau maksimum RM2.80 sebulan.

Jika premium insurans ditetapkan pada tahap yang terlalu rendah, penanggung insurans tidak akan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar tuntutan. Ini akan menjejaskan kepentingan orang awam yang kemungkinan tidak dapat memperoleh pampasan kewangan yang mencukupi bagi kecederaan atau kesulitan yang dialami akibat berlakunya sesuatu kemalangan jalan raya.

Sebagai usaha penambahbaikan, satu Jawatankuasa Kerja Bersama (JWC) telah diwujudkan dan antara inisiatif Rangka Kerja Tarif Motor yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

- Melaraskan kadar premium pada jumlah yang tidak membebankan orang ramai dan dilaksanakan secara berperingkat selama empat tahun dari tahun 2012 sehingga 2015; dan
- Memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan proses tuntutan insurans motor dan mengekang peningkatan dalam kos tuntutan.

Walaupun bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa Tarif Motor akan mula dinyahkan secara beransur-ansur bermula tahun 2016 di mana premium insurans motor akan ditentukan mengikut profil risiko. Di bawah sistem ini, pemilik kenderaan yang mempunyai profil risiko yang baik dan memandu secara cermat akan menikmati premium insurans motor yang lebih rendah berbanding pemilik kenderaan yang lebih berisiko tinggi.